

Atasi masalah kesukaran baiki bot

Sinar Harian 23/7/2020 n/527

Kerajaan Terengganu pertimbang bina *mini slipway* di beberapa daerah kritikal

Oleh FARAH SHAZWANI ALI

MARANG

Kerajaan Terengganu sedang berusaha mengatasi masalah kesukaran membaiki bot dalam kalangan nelayan negeri ini dengan menimbang keperluan pembinaan *mini slipway* di beberapa daerah kritikal.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, nelayan ketika ini terpaksa membaiki bot di *slipway* swasta selain ada antaranya terpaksa menempuh perjalanan jauh sehingga ke daerah lain bagi

tujuan itu.

Katanya, kerajaan memulakan projek rintis pembinaan *mini slipway* di Marang, melibatkan kos kira-kira RM500,000 dan dijangka siap sepenuhnya bulan depan.

"Tempat baiki bot ini menjadi satu keperluan yang sangat kritikal. Nelayan Marang terpaksa pergi ke Pulau Duyong, Kuala Terengganu untuk membaiki bot.

"Saya melihat keperluan *mini slipway* bagi setiap daerah kerana kita nak kerosakan kecil seperti kerosakan kipas yang memerlukan pembaikan selama beberapa hari, boleh dilakukan di *mini slipway* seperti ini.

"Beberapa daerah yang menjadi tumpuan nelayan kita seperti Besut, Setiu, Dungun dan Kemaman akan menjadi fokus kita



DR AZMAN

untuk pembinaan *mini slipway* khususnya di daerah yang sebahagian besar nelayannya menggunakan bot A dan bot B yang memerlukan khidmat setempat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan kerja di bilik sejuk beku di jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Marang dan projek *mini slipway* di Bandar Marang di sini semalam.

Lawatan itu turut disertai pegawai dari Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Pejabat Daerah dan Tanah Marang, LKIM, Jabatan Perikanan Terengganu dan beberapa jabatan berkaitan.

Mengulas mengerai *mini slipway* di Marang, beliau berkata, ia hampir 90 peratus siap dan dalam proses pemasangan *winch* jentera bagi menarik bot.



Dr Azman (dua dari kiri) diberi penerangan tentang projek *mini slipway* Marang.

"Ini merupakan satu-satunya *mini slipway* di bawah kerajaan negeri dan satu-satunya yang ada di Marang. Kemampuan *winch* ini dalam lingkungan 30 tan berat bot dan dikira memadai dengan sasaran kita untuk membaiki bot kecil sebab kebanyakan nelayan Marang ialah nelayan

sampan, bot fiber, bot kelas A dan bot B kecil.

"Mana-mana bot memerlukan pembaikan lebih rumit, boleh dihantar ke *slipway* yang besar. Kita sasarkan pembinaan *mini slipway* yang memerlukan tempoh pembaikan yang singkat," katanya.